

23/06/1998

Pemuda Umno harus bijak suarakan isu

KOTA BHARU, Isnin - Pergerakan Pemuda Umno perlu lebih berhati-hati dan bijak dalam mengklasifikasikan isu yang ingin disuarakan, terutama ketika negara sedang dihimpit tekanan dari luar.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, berkata Pemuda harus pandai membezakan isu biasa dengan perkara yang boleh menggugat kestabilan negara.

"Dalam suasana biasa, persoalan yang ditimbulkan mungkin tidak menjadi isu besar, tetapi ia harus diklasifikasikan dengan bijak ketika negara sedang menghadapi tekanan luar yang boleh menggugat kestabilan negara.

"Mungkin pemuda tidak sedar dan kurang prihatin dalam hal seperti ini, maka ucapan dan teguran presiden parti semalam harus dijadikan panduan pada masa akan datang," katanya ketika ditemui selepas Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di Kota Darulnaim, di sini hari ini.

Berucap menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan agung Umno ke-52 semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pemimpin Umno menggunakan sepenuhnya MT sebagai saluran menyelesaikan masalah berkaitan kepentingan dan keselamatan parti, bangsa dan negara.

Zainal Abidin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Melor, berkata saranan Dr Mahathir itu bertepatan dengan fungsi MT sebagai pembuat dasar dan badan musyawarah tertinggi berhubung perkara pokok yang menyentuh negara, sebelum dilaksanakan.

"Teguran Dr Mahathir itu wajar kerana soal yang ditimbulkan Pemuda Umno berkeaitan dengan negara dan digunakan oleh musuh luar untuk menjahanam dan menjatuhkan kita menerusi istilah nepotisme dan sebagainya.

"Perkara ini seharusnya mematangkan Pemuda dalam menangani masalah negara dan dijadikan panduan di samping harus menerimanya dengan pemikiran terbuka," katanya.

Mengenai tindakan Pemuda menggunakan pendekatan membuat kenyataan media, beliau berkata ia adalah hak mereka tetapi kenyataan yang disuarakan harus menyokong negara, khususnya membabitkan masalah kegawatan ekonomi.

(END)